

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97**

APRIL 1997

RMK 454/4 - Undang-Undang 2

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** mukasurat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan: **Soalan 1 adalah Wajib** dan jawab **TIGA** soalan lain.

1. (a) Terangkan sumber-sumber undang-undang binaan di Malaysia.
(b) Apakah objektif-objektif dan ciri-ciri utama sesuatu kontrak binaan?
(25 markah)

2. (a) Huraikan secara ringkas, jenis-jenis utama kontrak-kontrak binaan yang lazim dipraktiskan di negara ini
(10 markah)
(b) Apakah yang anda faham dengan konsep keseluruhan ("entirety") dan prestasi yang munasabah ("substantial performance") di dalam konteks kontrak binaan
(15 markah)

3. Bezakan di antara penolakan (repudiation), penamatkan (determination) dan peninggalan kerja (abandonment). Berikan contoh-contoh kes sesuai untuk menerangkan perkara-perkara tersebut.
(25 markah)

....2/-

- 2 -

4. Jaguh Sdn. Bhd., sebuah firma kontraktor binaan bersetuju dengan Wira Bhd., sebuah syarikat pemaju perumahan untuk membina dan menyiapkan 100 unit rumah dengan harga tender RM60 juta. Kontrak binaan melibatkan bayaran kemajuan mengikut tahap-tahap siapnya kerja tertentu. Kontraktor telah siap membina 80 unit daripada 100 unit yang dikontrakkan, tetapi pihak pemaju tidak dapat menyerahkan tapak bina selebihnya disebabkan masalah mengeluarkan setinggan-setinggan dari kawasan tersebut. Kontraktor berhasrat menuntuk kesemua harga kontrak dengan alasan pemaju telah pecah kontrak.

Nasihat pihak kontraktor.

(25 markah)

5. Bincangkan secara ringkas tentang pelbagai polisi insuran yang terbabitt di dalam proses binaan (sepertimana yang dikehendaki di dalam kontrak-kontrak binaan)

(25 markah)

6. (a) Bincangkan tanggungjawab seorang penimbangtara.

(10 markah)

- (b) Pertikaian berlaku di antara Sihat Enterprise dan Bolehbina Sdn. Bhd., sebuah firma kontraktor binaan Berhubung dengan bayaran akhir untuk kontrak membina dan menyiapkan sebuah pusat kesihatan kepunyaan Sihat Enterprise.

Pihak Sihat Enterprise bercadang untuk menyelesaikan pertikaian tersebut melalui timbangtaraan. Namun Bolehbina Sdn. Bhd. tidak setuju kerana berpendapat yang penimbangtara tidak dikenalpasti di dalam kontrak yang dimetrai. Oleh itu, menurut pihak kontraktor, soal membawa pertikaian ke timbangtaraan tidak timbul.

Nasihat mereka di dalam hal ini.

(15 markah)

-ooo00ooo-